

## **HUBUNGAN KONFLIK KEWANGAN TERHADAP KESEJAHTERAAN SOSIAL MANGSA WANITA DALAM ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA**

Masarah Mohamad Yusof, Azlinda Azman,  
Farhana Kamarul Bahrin & Mahathir Yahaya

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia  
(masarahmy@usm.my)

---

### **Abstrak**

Kewangan merupakan antara keperluan penting yang perlu disediakan oleh pihak suami dalam sesebuah rumah tangga. Namun, pengurusan kewangan yang lemah oleh pasangan memberikan impak negatif terhadap mangsa terutama golongan isteri menerusi tingkah laku penderaan emosi, fizikal serta kewangan. Bertepatan dengan permasalahan ini, satu penyelidikan kualitatif telah dijalankan dalam bentuk eksploratori bagi mengenal pasti pengaruh aspek kewangan terhadap kesejahteraan sosial hidup mangsa dalam konteks keganasan rumah tangga. Justeru, kaedah temubual secara mendalam telah dijalankan terhadap 15 orang responden wanita menerusi persampelan bertujuan (*purposive sampling*) dan bola salji (*snowball*). Semua data berbentuk verbatim diperdengarkan semula sebelum dipindahkan menjadi transkrip temubual untuk dianalisis menggunakan perisian NVivo 8. Hasil penyelidikan mendapati tekanan masalah kewangan yang dihadapi dalam rumah tangga mendorong suami melakukan pelbagai bentuk penderaan terhadap isteri iaitu mangsa keganasan rumah tangga. Rentetan itu, bentuk intervensi kerja sosial turut dicadangkan dengan memfokus sistem-sistem sosial yang berkaitan. Langkah ini penting kerana ia bukan sahaja dapat mengurangkan konflik isu permasalahan ini, malah ia turut dapat membantu meningkatkan kesejahteraan sosial golongan wanita yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

**Kata kunci:** Kewangan; Keganasan rumah tangga; Kesejahteraan Sosial; Mangsa wanita.

---

Keganasan merupakan penggunaan sesuatu tingkah laku paksaan secara fizikal, penggunaan kuasa serta ugutan yang memberi impak kepada sendiri sendiri serta sistem persekitaran lain merangkumi kumpulan ataupun komuniti (*World Report on Violence and Health*, 2002). Semua tindakan itu boleh mengakibatkan impak negatif termasuk kecederaan, kematian, dan gangguan psikologikal terhadap individu yang terlibat. Masalah ini boleh berlaku terhadap sesiapa sahaja tanpa mengira gender, peringkat umur, jenis kaum serta tahap sosioekonomi (Rand, 2009).

*Gender Based Violence* (GBV) atau lebih dikenali sebagai keganasan berasaskan gender diklasifikasikan sebagai keganasan dalam perhubungan jenis heteroseksual iaitu bentuk dominan serangan lelaki terhadap wanita (Simister, 2012). Selari dengan itu, majoriti mangsa yang terlibat dalam keganasan antara pasangan adalah terdiri daripada golongan wanita (Ellsberg & Heise, 2005). Menurut Lucena, Deininger, Coelho, Monteiro, Vianna dan Nascimento (2016), keganasan terhadap wanita merupakan bentuk perlakuan berasaskan keganasan gender yang mendatangkan kesan penderitaan sama ada secara fizikal, seksual atau mental terhadap mangsa. Tambahan lagi, kajian itu turut mengklasifikasikan keganasan sebagai fenomena ketidakadilan gender yang berkait rapat dengan bentuk dominasi lelaki terhadap golongan wanita dalam perhubungan sosial.

Masarah (2017) menyimpulkan ketidakadilan hak asasi isteri sebagai mangsa boleh diklasifikasikan sebagai bentuk jenayah dalam rumah tangga yang mampu mengancam kesejahteraan mangsa dari segi kesihatan, keselamatan dan sosial. Kesannya, masalah ini mampu mempengaruhi tingkah laku pasif mangsa keganasan daripada memainkan peranan penting sebagai salah seorang individu dalam kalangan masyarakat. *World Health Organization* (2001) pula mendefinisikan keganasan rumah tangga sebagai masalah gender dan berkaitan sensitiviti moral yang dilihat melanggar hak-hak kemanusiaan serta melibatkan kerugian kos yang sangat besar dari aspek sosial, ekonomi dan kesihatan sesebuah negara. Di samping itu, keganasan rumah tangga berkait rapat dengan hak asasi golongan wanita, akta jenayah dan tidak boleh dipandang sebagai satu masalah peribadi pada masa kini (Ahmad, 2012). Ia lebih dikenali sebagai masalah dalaman keluarga yang membentuk corak penderaan serta tingkah laku paksaan hingga mendatangkan impak negatif seperti kecederaan fizikal, gangguan psikologi dan emosi, paksaan seksual dan penindasan kewangan terhadap mangsa (Mariny et al., 2016). Bertepatan dengan itu, kaum wanita kerap terlibat dalam keganasan sesebuah rumah tangga (Awang & Harihan, 2011). Ia berlaku kerana pasangan mendominasi serta mengawal mangsa dengan pelbagai cara menerusi penderaan fizikal, seksual, emosi, kewangan serta ugutan. Kesannya, lebih 50 peratus wanita pernah menjadi mangsa penderaan dalam rumah tangga pada peringkat global (Kishor & Johnson, 2004). Selain itu,

setiap tahun lebih kurang 8.7 juta golongan wanita mengalami penderaan fizikal oleh pasangan lelaki manakala, sebanyak 2 milion wanita menjadi mangsa terhadap beberapa bentuk keganasan lain (Roberts & Roberts, 2005).

Malaysia tidak terkecuali dengan pelbagai bentuk masalah sosial, termasuklah isu keganasan rumah tangga, khususnya dalam kalangan kaum wanita. Kajian oleh *Women's Development Research Centre* (KANITA) pada tahun 2013 telah mengesan sebanyak 8% daripada setiap pasangan wanita dan lelaki sama ada sudah berkahwin atau sebaliknya di kawasan Semenanjung Malaysia pernah mengalami masalah keganasan rumah tangga dalam kehidupan mereka (Rashidah, Noraida, Siti Hawa, Intan, Sarimah, Siti Waringin, Puzziawati, Gaayathri, Nur Saffiah & Siti Shahrizatil Husna, 2013). Pecahan peratusan itu secara tidak langsung menunjukkan hampir 800,000 orang wanita di Malaysia telah terlibat dalam masalah penderaan (Muslihah et al., 2016). Kajian tersebut turut menjelaskan bahawa keganasan rumah tangga telah berlaku di rumah yang sepatutnya menjadi tempat memperolehi keperluan asas merangkumi keselamatan dan kebahagiaan.

Kebanyakan golongan wanita di Malaysia telah menjadi mangsa keganasan rumah tangga oleh pasangan masing-masing. Perkara itu dibuktikan melalui dapatan jumlah statistik bilangan kes keganasan rumah tangga mengikut negeri bagi tahun 2009 hingga 2012 yang dipaparkan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM). Laporan statistik itu memaparkan daripada jumlah keseluruhan iaitu 2,328 kes bagi setiap negeri di Malaysia, golongan wanita adalah majoriti mangsa yang dilaporkan iaitu 96.5 peratus, manakala hanya 3.5 peratus sahaja terdiri daripada kaum lelaki. Jumlah ini secara tidak langsung mencetus kebimbangan terhadap negara Malaysia dalam aspek pencapaian keadilan serta kesejahteraan hidup terutama terhadap golongan wanita sekiranya masalah ini masih tidak ditangani dengan lebih berkesan.

Fenomena sama turut berlaku jika dilihat dalam konteks yang lebih besar berdasarkan jumlah statistik JKMM bagi seluruh negeri di Malaysia. Seramai 270 orang wanita dilaporkan menjadi mangsa keganasan berbanding hanya tujuh kes yang melibatkan golongan lelaki sepanjang tempoh enam bulan iaitu dari Januari hingga Jun tahun 2012. Lanjutan daripada itu, jumlah mangsa dera tertinggi sekali lagi adalah kaum wanita Melayu iaitu seramai 153 orang daripada jumlah keseluruhan 158 kes yang melibatkan kaum Melayu. Perkara ini secara tidak langsung menunjukkan ketidaksamarataan antara kaum dalam konteks keganasan rumah tangga yang berlaku di Malaysia amnya dan negeri Pulau Pinang khususnya. Justeru, kajian ini melihat akan keperluan dan kepentingan menjalankan kajian ini bagi mengupas permasalahan keganasan yang berlaku dalam kalangan kaum wanita Melayu, terutama di negeri Pulau Pinang.

Pelbagai langkah penyelesaian pada peringkat makro telah dilaksanakan di Malaysia bagi membantu mengurangkan isu permasalahan ini. Antaranya adalah kewujudan Dasar Wanita Negara (1989) untuk menghapuskan pelbagai bentuk diskriminasi gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan CEDAW. Dasar ini menfokuskan penilaian semula serta menggubal perundangan dan peraturan sedia ada bagi menjamin peningkatan keadilan gender, perlindungan, keselamatan, hak keadilan wanita dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih berkesan. Selain itu, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (2008) mendefinisikan keganasan rumah tangga dengan mana-mana bentuk perbuatan merangkumi aspek fizikal, emosi, sosial dan kerosakan harta benda. Sementara itu, Datuk Chew Mei Fun yang merupakan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (April 26, 2017) telah menerangkan bentuk-bentuk kes jenayah bawah kanun keseksaan yang melibatkan mangsa golongan wanita adalah pencabulan kehormatan, sumbang mahram, rogol dan kesalahan perlakuan luar tabii.

Masalah keganasan rumah tangga yang kebiasaannya dialami oleh kaum wanita turut mendatangkan impak negatif dari pelbagai sudut. Mangsa keganasan rumah tangga serta sistem-sistem sosial lain yang berhampiran mangsa bukan sahaja menerima kesan negatif dari segi kecederaan fizikal, malah mereka turut menanggung pelbagai kesan psikososial yang boleh mempengaruhi kefungsi sosial dalam menjalani kehidupan seharian (Masarah, 2017). Menurut kajian Evans, Davies dan DiLillo (2008), keganasan yang berlaku antara pasangan turut mengakibatkan masalah psikososial merangkumi kesihatan mental dan emosi dalam kalangan kanak-kanak dan golongan remaja. Selain itu, Buckner, Bearslee dan Bassuk (2004) memaparkan perempuan yang menjadi mangsa keganasan mengalami masalah dalaman seperti depresi, berasa bimbang, serta menghadapi simptom trauma akibat pengalaman pahit yang telah mereka alami dalam keluarga masing-masing. Tambahan lagi, Bahari et al. (2008) menjelaskan kaum wanita yang bergelar isteri sering menjadi mangsa terhadap pelbagai bentuk jenayah keganasan rumah tangga. Perkara ini telah mengakibatkan gangguan emosi sehingga menyebabkan kemurungan dan tindakan membunuh diri sebagai jalan singkat bagi menghilangkan tekanan sedia ada. Anak-anak turut menghadapi tekanan psikologikal yang boleh menyebabkan kemurungan hingga menjejaskan bentuk hubungan interaksi sosial dengan orang lain serta tindakan membunuh diri. Dalam hal ini, tidak mustahil anak-anak turut menjadi mangsa keganasan dan seterusnya mendatangkan kesan buruk yang berpanjangan terhadap diri mangsa, ahli keluarga dan masyarakat amnya. Perkara ini jelas ditekankan oleh Corvo dan Carpenter (2000) yang mendapati anak-anak yang sudah lama terdedah dengan keganasan sejak zaman

kanak-kanak lagi turut mencetuskan keganasan dalam perhubungan apabila mereka dewasa kelak.

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pelbagai pihak, namun masalah keganasan rumah tangga terutama dalam kalangan wanita masih tidak dapat diselesaikan sehingga kini. Justeru, pelbagai aspek penyumbang terhadap masalah ini perlu diberi perhatian kerana ia boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif terhadap sistem kekeluargaan. Selari dengan itu, hubungan konflik berkaitan aspek kewangan dalam rumah tangga difokuskan dalam penyelidikan untuk melihat kesan kesejahteraan sosial mangsa keganasan rumah tangga dalam kalangan isteri.

## **Metodologi**

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi pendekatan eksploratori bagi mengenal pasti masalah yang berpunca daripada faktor kewangan hingga mampu mencetuskan masalah keganasan rumah tangga dalam kalangan mangsa iaitu isteri. Persampelan berbentuk bertujuan (*purposive sampling*) diguna pakai bagi memilih beberapa kriteria informan dan persampelan bola salji (*snowball sampling*) diguna pakai bagi memudahkan proses kutipan data. Diri penyelidik, pita rakaman dan panduan soalan temubual merupakan antara instrumen yang digunakan dalam kaedah temubual secara mendalam terhadap 15 orang wanita (informan) iaitu mangsa keganasan rumah tangga di sekitar negeri Pulau Pinang, Malaysia. Hasil dapatan data berbentuk rakaman suara informan dipindahkan kepada bentuk transkrip sebelum dianalisis menggunakan perisian NVIVO 8. Ia bertujuan untuk menghasilkan tema utama serta sub tema selari dengan objektif yang telah ditetapkan. Penyelidikan ini mematuhi pertimbangan etika penyelidikan kerja sosial. Antaranya adalah merahsiakan identiti semua informan menerusi penggunaan kod R1 hingga R15 dalam data hasil penyelidikan ini.

## **Hasil Penyelidikan**

Masalah kewangan merupakan antara faktor yang menjadi penyumbang kepada tekanan diri pasangan hingga teretusnya keganasan rumah tangga. Hal ini kerana ia merupakan salah satu keperluan penting untuk menjalani kehidupan. Justeru, faktor kewangan membentuk tema utama bertepatan dengan objektif penyelidikan ini. Beberapa sub tema kecil telah dikenal pasti merangkumi aspek tekanan pasangan, kelemahan pengurusan kewangan dan bebanan tanggungjawab yang besar. Ia berkait rapat dengan masalah kewangan hingga menimbulkan tekanan terhadap suami. Kesannya, tindakan luar kawalan seperti penderaan fizikal, emosi, kewangan, seksual dan sosial telah dilakukan oleh suami terhadap isteri dalam rumah tangga.

Jadual 1. Kewangan sebagai Faktor Penyumbang

	<b>Bilangan responden terlibat</b>	<b>Bilangan responden tidak terlibat</b>	<b>Jumlah keseluruhan</b>
Tekanan Pasangan	2 (13.3%)	13 (86.6%)	15 (100%)
Kelemahan Pengurusan Kewangan	6 (40%)	9 (60%)	15 (100%)
Bebanan Tanggungjawab yang Besar	2 (13.3%)	13 (86.6%)	15 (100%)

Sumber: Data penyelidikan, 2018.

### **Perbincangan, Implikasi dan Cadangan**

Bahagian ini membincangkan beberapa aspek yang berkait rapat dengan masalah kewangan iaitu tekanan daripada pasangan, kelemahan pengurusan kewangan dalam rumah tangga dan bebanan tanggungjawab besar yang terpaksa dipikul oleh pasangan. Hasil kajian mendapati majoriti iaitu 10 informan menyatakan suami masing-masing mengalami tekanan akibat masalah kewangan yang dihadapi dalam rumah tangga mereka. Semua aspek ini dikesan mampu menimbulkan tekanan emosi kepada pendera iaitu suami. Hasilnya, mangsa iaitu isteri telah mengalami pelbagai bentuk keganasan rumah tangga sama ada secara fizikal, emosi, sosial, seksual dan kewangan. Hasil kajian ini dapat difahami menerusi teori sistem yang merujuk sistem kepada bahagian-bahagian yang saling bergantung antara satu sama lain (Bertalanffy, 1968). Beliau menjelaskan seandainya bahagian-bahagian itu berhubung dengan baik, maka sistem yang wujud secara tidak langsung akan berfungsi dengan baik. Namun, sekiranya berlaku gangguan terhadap hubungan itu, maka sistem sedia ada menjadi tidak berstruktur dan tidak tersusun. Justeru, teori ini sesuai digunakan bagi mengkaji perubahan tingkah laku pendera. Suami yang berada dalam keadaan emosi tertekan akibat masalah kewangan bertindak melepaskan perasaan geram dengan cara memukul isteri. Kesannya, psikososial mangsa-mangsa turut terganggu di samping mengalami kecederaan fizikal yang boleh memudaratkan kesihatan mereka.

Hasil dapatan penyelidikan menunjukkan suami bertindak ganas kerana merasakan mangsa memberikan tekanan hingga tidak dapat mengawal emosi. Hasil penyelidikan ini mengesan golongan isteri dipukul hanya kerana meminta

suami menyediakan keperluan asas rumah yang telah kehabisan. Disebabkan wang yang tidak mencukupi, perkara ini mengundang kemarahan suami hingga menyebabkan pertengkaran dan berakhir dengan penderaan fizikal.

Perkara ini selari dengan hasil penyelidikan Pusat Nasional Keganasan (2002) iaitu faktor kemiskinan dan kesusahan hidup menjadi penyumbang utama berlakunya pergaduhan dalam kalangan pasangan suami isteri yang telah berkahwin. Kemiskinan disebabkan kesempitan wang juga terpaksa dihadapi dalam konteks keganasan rumah tangga. Justeru, kebanyakan pasangan dalam penyelidikan ini terlibat dengan masalah kewangan yang merupakan salah satu keperluan penting bagi menjalani kehidupan seharian yang selesa hingga menyebabkan berlaku keganasan dalam rumah tangga. Pelbagai bentuk tekanan yang dihadapi oleh pasangan telah dikesan. Kebanyakan mereka tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli barangan keperluan rumah hingga membawa kepada pertengkaran antara pasangan.

Selain itu, tanggungjawab besar yang terpaksa dipikul oleh suami untuk menyara tiga orang isteri serta sepuluh orang anak dalam satu masa menyebabkan suami melepaskan tekanan yang dihadapi kepada mangsa. Bertepatan dengan itu, Bullock et al. (2006) mendapati ketidakseimbangan faktor pendapatan yang rendah serta tahap tekanan yang tinggi jelas mempengaruhi tindakan kejam pasangan terhadap mangsa keganasan. Hasil penyelidikan tersebut juga mendapati tugas suami sebagai ketua keluarga adalah memberikan wang untuk perbelanjaan isteri. Namun, penyelidikan ini menunjukkan hasil sebaliknya apabila terdapat segelintir suami yang tidak pandai menguruskan sumber kewangan dengan baik. Kesannya, pihak suami berani bertindak meminta wang daripada isteri. Pihak suami yang tidak bekerja menghadapi masalah kewangan kerana banyak menghabiskan duit berseronok dengan wanita lain, sedangkan isteri dipaksa menyediakan wang bagi tujuan mengisi keseronokan mereka. Selari dengan itu, lelaki yang kurang pendapatan, tidak bekerja atau mempunyai status pekerjaan yang rendah dalam institusi keluarga telah menyumbang kepada penglibatan wanita dalam masalah kes keganasan rumah tangga (Bassuk, Dawson & Hungtington, 2006).

Di samping itu, terdapat suami yang melibatkan diri dengan aktiviti perjudian hingga menyebabkan pergaduhan kerana tidak dapat melunaskan hutang yang banyak. Kesannya, isteri turut menjadi mangsa keadaan akibat dipukul oleh suami bagi melepaskan kemarahannya. Hal ini kerana suami dikesan tidak dapat mengawal perasaannya ketika menghadapi masalah kewangan dan perkara itu telah dilepaskan kepada isteri. Selari dengan penyelidikan ini, Oyunbileg et al. (2009) juga menunjukkan antara faktor penyumbang berlaku penderaan berbentuk fizikal, emosi dan ekonomi dalam rumah tangga adalah mangsa tinggal bersama pasangan yang menganggur, pasangan daripada jenis kaki botol serta pendapatan yang rendah.

Pengurangan masalah ini dapat dilakukan menerusi beberapa cadangan dalam konteks praktis kerja sosial. Hasil penyelidikan ini secara tidak langsung

membantu pekerja sosial memahami isu defisit kewangan dalam konteks keganasan rumah tangga. Ia seterusnya membantu pekerja sosial menyediakan intervensi yang bersesuaian dengan keperluan kumpulan sasaran. Salah satunya adalah menjalankan intervensi kerja sosial secara individu. Justeru, intervensi yang menekankan rawatan psikososial dilakukan bagi membantu meningkatkan kefungsi sosial mangsa akibat penderaan yang dialami selama ini. Di samping itu, intervensi secara individu boleh dilakukan terhadap suami yang bertindak sebagai pendera. Penyusunan pelan tindakan yang berkesan bersama-sama klien iaitu pendera dapat membantu mencapai sesuatu matlamat dengan lebih jelas. Sebagai contoh, pekerja sosial membantu klien mengenal pasti cara pengurusan kewangan yang berkesan dalam rumah tangga supaya dapat keluar daripada belenggu masalah ini. Selain itu, pekerja sosial boleh bertindak sebagai pendidik dan orang tengah ketika menjalankan intervensi secara individu dan keluarga. Menerusi intervensi ini, aplikasi beberapa teknik dalam terapi kekeluargaan yang menfokus konsep peranan setiap pasangan sesuai diimplimentasi ke arah intervensi yang lebih berkesan. Hasilnya, ia dapat membantu setiap pasangan memahami tanggungjawab yang sepatutnya dimainkan bagi memastikan penyelesaian isu kekangan kewangan dalam institusi keluarga.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, golongan wanita paling ramai menjadi mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia. Antara faktor penyumbang terhadap masalah ini adalah kewangan yang dilihat memberikan tekanan emosi terhadap golongan suami. Ia seterusnya membawa kepada tindakan luar kawalan hingga tercetusnya pelbagai bentuk penderaan terhadap isteri. Hasil penyelidikan ini secara tidak langsung membentuk beberapa cadangan intervensi kerja sosial yang menfokuskan kepada golongan pendera (suami) dan mangsa (isteri). Dalam masa sama, kecekapan pekerja sosial amat penting menerusi pelbagai peranan yang bersesuaian bagi memastikan proses intervensi berjalan lancar ke arah kefungsi sosial kumpulan sasaran.



## RUJUKAN

- Ahmad, N.S. (2012). *Mangsa dera dan seksual*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Awang, H., & Hariharan, S. (2011). Determinants of domestic violence: Evidence from Malaysia. *Journal of Family Violence*, 26, 459-464.
- Bertalanffy, L. V. (1968). *General system theory (rev. ed.)*. New York: George Braziller.
- Ellsberg, M., & Heise, L. (2005). *Researching violence against women: A practical guide for researchers and activists*. Washington D.C: World Health Organization, PATH.
- Kishor, S., & Johnson, K. (2004). *Profiling domestic violence - A multi country study*. Calverton: ORC Macro.
- Mariny, A. G., Sabasiah, H., & Azizul, M. (2016). Isu keganasan rumah tangga: Keberkesanan perkhidmatan kaunseling berdasarkan perspektif klien wanita mangsa keganasan. *Jurnal Kemanusiaan*, 25(2), 1-9.
- Masarah, M.Y. (2017). Masalah, Strategi Daya Tindak dan Keperluan Mangsa Keganasan Rumah Tangga Wanita Melayu di Pulau Pinang. Penyelidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Muslihah, H., Rojanah, K., & Sa'odah, A. (2016, November). *A preliminary study of instrumental, emotional, and social support for domestic violence survivors in Selangor, Malaysia*. Kertas kerja telah dibentangkan di 3RD WORLD CONFERENCE ON INTEGRATION OF KNOWLEDGE, Langkawi. Retrieved from <http://worldconferences.net>.
- Rand, M. (2009). *Criminal victimization, 2008. (NCJ Publication No. 227777)*. Washington, DC: Bureau of Justice Statistics.
- Rashidah, S., Noraida, E., Siti Hawa, A, Intan, O., Sarimah, A, Siti Waringin, O, Puzziawati, A. G., & Gaayathri, P. Nur Saffiah, H., & Siti Shahrizatil Husna, S. (2013). Domestic violence and women's well-being in Malaysia: Issues and challenges conducting a national study using the WHO multicountry questionnaire on women's health and domestic violence against women. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 91, 475-488.
- Roberts, A. R., & Roberts, B. S. (2005). *Ending intimate abuse: Practical guidance and survival strategies*. New York: Oxford University Press.
- Simister, J. (2012). More than a billion women face 'gender based violence'; Where are most victims? *Journal of Family Violence*, 27, 607-623.
- World Health Organization. (2002). *World report on violence and health*. Retrieved from [http://www.who.int/violence\\_injury\\_prevention/violence/world\\_report/en/summary\\_en.pdf](http://www.who.int/violence_injury_prevention/violence/world_report/en/summary_en.pdf).
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (2008). Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia Di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968.

- Bassuk, E., Dawson, R., & Hungtington, N. (2006). Intimate partner violence in extremely poor women: Longitudinal patterns and risk markers. *Journal of Family Violence* 21, 387–399.
- Buckner, J. C., Bearslee, W. R., & Bassuk, E. L. (2004). Exposure to violence and low-income children's mental health: Direct, moderated, and mediated relations. *The American Journal of Orthopsychiatry*, 74, 413–423.
- Bullock, L., Bloom, T., Davis, J., Kilburn, E., & Curry, M. A. (2006). Abuse disclosure in privately and Medicaid-funded pregnant women. *Journal of Midwifery and Women's Health*, 51(5), 361-369.
- Corvo, K., & Carpenter, E. H. (2000). Effects of parental substance abuse on current levels of domestic violence: A possible elaboration of intergenerational transmission processes. *Journal of Families Violence*, 15(2), 123–135.
- Dasar Wanita Negara.(1989). *Objektif Dasar Wanita Negara*. Retrieved from [http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/17DASAR\\_WANITA\\_NEGARA.pdf](http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/17DASAR_WANITA_NEGARA.pdf).
- Dewan Negara. (2017). *Pembentangan statistik keganasan terhadap wanita dan keberkesanan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (pindaan 2012)*. Retrieved from <http://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-26042017.pdf>.
- Evans, S. E., Davies, C., & DiLillo, D. (2008). Exposure to domestic violence: A meta-analysis of child and adolescent outcomes. *Aggressive and Violent Behavior*, 13, 131–140.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang. (2013). *Laporan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang tahun 2013*. Pulau Pinang.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2012). *Laporan statistik keganasan rumah tangga*. Retrieved from <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/full&id=eDhORXZLT05BWWpINGJ6eUNvRXgvdz09>.
- Lucena, K. D.T., Deininger, L. S.C., Coelho, H. F. C., Monteiro, A. C. C., Vianna, R. P. T., & Vascimento, J. A. (2016). Analysis of the cycle of domestic violence. *Journal Growth Dev*, 26(2), 139-146.
- Oyunbileg, S., Sumberzul, N., Udval, N., Wang, J-D., & Janes, C. R. (2009). Prevalence and risk factors of domestic violence among Mongolian women. *Journal of Women's Health*, 18(11), 1873-1880.
- World Health Organization. (2001). *Urban violence and health. Determinants and management*. Kobe: Kobe Centre.

## BIODATA PENULIS

### Nama Penulis:

Dr. Masarah Mohamad Yusof merupakan salah seorang pensyarah Bahagian Kerja Sosial di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Bidang beliau memfokuskan pembangunan sosial, kesejahteraan sosial wanita dalam konteks keganasan rumah tangga dan strategi daya tindak ke arah

kesejahteraan sosial. Beliau turut berminat mendalami penuaan aktif golongan warga emas ke arah peningkatan kefungisian sosial kumpulan sasar tersebut.

**Nama Penulis:**

Professor Dr. Azlinda Azman merupakan Profesor Kerja Sosial pertama di Malaysia. Beliau antara yang dipilih dan dianugerahkan Biasiswa Fulbright untuk melanjutkan pengajian pada peringkat ijazah kedoktoran dalam bidang Kerja Sosial Klinikal di Universiti New York. Beliau mengetuai Jawatankuasa Majlis Kebangsaan mengenai Pendidikan Kerja Sosial Malaysia, Ahli Jawatankuasa Eksekutif Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (MASW), dan Penolong Setiausaha Kehormat Majlis AIDS Malaysia (MAC). Beliau secara aktif terlibat pada peringkat antarabangsa dalam menyokong pendidikan dan amalan kerja sosial. Beliau juga adalah Konvenor Kumpulan Bertindak dan Penyelidikan AIDS (AARG), USM, sejak tahun 2011. Beliau turut menerima anugerah Pingat Bakti Setia oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia.

**Nama Penulis:**

Dr. Farhana Kamarul Bahrin merupakan seorang pensyarah bahagian Kerja Sosial di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Bidang beliau memfokuskan pembangunan komuniti, kesihatan komuniti ke arah kesejahteraan sosial dan kerja sosial di sekolah. Beliau bergiat aktif dalam mempromosikan kesihatan komuniti ke arah kesejahteraan sosial kepada pelbagai golongan sasar seperti komuniti orang asli, pelajar sekolah mengenai pendidikan HIV/AIDS, penuaan aktif bagi warga emas dan seterusnya.

**Nama Penulis:**

Dr. Mahathir Yahaya merupakan pensyarah Bahagian kerja sosial di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Bidang beliau tertumpu kepada pembangunan komuniti, kerja sosial komuniti dan kerja sosial sekolah. Beliau juga *trainer* bagi menyelesaikan pelbagai isu/permasalahan di jabatan-jabatan kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Organisasi Berasaskan Komuniti (OBK).